

Keberkesanan Penggunaan Google Classroom Dalam PdP Penulisan Karangan

Norhidayana Jabar

norhidayana_jabar@schools.gov.sg

Noor Nadiya Abdul Salim

noor_nadiya_abdul_salim@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Punggol Green

Abstrak

Penulisan karangan merupakan satu kemahiran yang sukar dimahiri oleh murid. Justeru, guru harus menggunakan kaedah yang berbeza-beza untuk membantu murid menjana idea, meluaskan kosa kata dan meningkatkan lagi kemahiran menulis mereka. Kajian ini bertujuan untuk berkongsi bagaimana kemahiran penulisan karangan dapat diajarkan menerusi wadah *Google Classroom*. Wadah ini menggunakan ICT dan berfungsi secara interaktif. Seramai 31 orang murid Darjah 5 telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Google Classroom* telah berupaya membantu murid untuk mempertingkatkan kemahiran menulis. Murid dapat meluaskan isi dalam karangan dan mempamerkan pelibatan aktif dalam penilaian kendiri serta memberi maklum balas kepada rakan sebaya.

Kata kunci: kemahiran menulis, ICT, *Google Classroom*, penilaian

PENGENALAN


Penulisan, ialah penghasilan teks karangan melibatkan proses dan hasil. Kemahiran menulis karangan melibatkan kemahiran kognitif dan linguistik, termasuk aspek mekanis, proses dan pembaca. Justeru, kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang sukar dan hanya mampu dikuasai oleh murid selepas mereka menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Aktiviti penulisan karangan merupakan gabungan pengetahuan ketiga-tiga kemahiran tersebut. Murid yang sudah mampu menulis harus terus dibimbang agar dapat menghasilkan karangan yang lebih bermutu dan dapat menarik minat pembaca.

Namun, harus diakui bahawa proses penulisan menjenuhkan murid. Kolaborasi antara murid dapat meringankan beban tersebut dan membolehkan mereka menjana idea untuk mewarnai hasil penulisan mereka.

Penggunaan ICT pula merupakan salah satu cara untuk menarik minat murid agar proses penulisan itu tidak dilihat sebagai sesuatu yang menakutkan dan membosankan. Tambahan pula, pembelajaran berdasarkan ICT membolehkan murid untuk mengasah penulisan mereka di luar waktu kurikulum dan memberikan peluang untuk guru dan rakan sebaya memberikan komen dan maklum balas. Selain itu, murid juga dilengkapkan dengan ilmu kesejahteraan siber agar tidak menyalahgunakan wadah ICT.

PERNYATAAN MASALAH

Murid Darjah 5 telah didedahkan kepada penulisan 6 gambar bersiri. Murid dikehendaki meluaskan isi penulisan karangan mereka dengan menggunakan struktur ayat yang lebih kompleks. Pada awal tahun, guru-guru harus menangani hasil penulisan yang agak pendek serta penggunaan bahasa yang mudah. Murid masih lagi belum terbiasa dengan laras penulisan kreatif yang lebih baik dan belum mampu untuk menghasilkan penulisan yang baik. Dari sudut pandangan murid pula, mereka berasa terbeban dan selalu merungut apabila harus menulis karangan.



Data kelakonan murid semasa peperiksaan SA1 telah menunjukkan kelemahan dalam aspek isi dan bahasa. Mereka masih belum mampu untuk meluaskan isi cerita menggunakan teknik-teknik yang berbeza di dalam penulisan karangan seperti penggunaan pancaindera, kata hubung, dialog dan lain-lain lagi. Selain itu, murid tidak mempunyai banyak masa untuk menghasilkan karangan kerana waktunya yang suntuk di sekolah dan tiadanya sesi kelas tambahan yang diperuntukkan buat mereka.

Ini membimbangkan para guru kerana murid harus disediakan dengan kemahiran menulis yang baik memandangkan mereka datang dari kelas melebihi aras kebolehan dalam peringkat Darjah 5 dan harus diberikan asas yang kukuh sebelum melangkah ke Darjah 6. Guru harus berusaha untuk memastikan agar murid dapat menulis dengan baik pada akhir Darjah 5.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran menulis karangan murid dalam talian,
2. menyediakan rangka proses penulisan untuk menghasilkan karangan; dan
3. menggunakan aplikasi dalam talian untuk memberikan maklum balas terhadap hasil penulisan.

KAJIAN LEPAS

Pembelajaran secara aktif harus melibatkan pembelajaran kendiri dan interaksi antara murid dan guru. Suasana pembelajaran dalam talian sering melibatkan penukaran dialog antara guru dan murid (Rennie & Smyth, 2020). Oleh itu, alat untuk berinteraksi antara murid dan guru amat penting dalam pembelajaran dalam talian. Interaksi ini bukan sekadar menaip sesuatu idea atau perkara sahaja. Pembelajaran dalam talian harus mempunyai elemen di mana setiap idea atau perkara yang dikongsi dalam talian, dapat mewujudkan respons yang aktif antara murid dan guru.


Pelibatan yang dibimbang guru merupakan kunci utama untuk menjadikan pengajaran dalam talian itu dinamik dan progresif. Tugasan yang dilakarkan perlu disokong oleh guru dan rakan-rakan (Meskill & Anthony, 2015). Apapun lelaman atau alat ICT yang digunakan untuk pengajaran dalam talian, guru perlu membimbang murid untuk mencapai objektif pengajaran. Walaupun murid bebas untuk menggunakan fungsi-fungsi yang disediakan, guru perlu menyatakan peraturan dan melakarkan langkah-langkah untuk pembelajaran dalam talian yang berkesan. Tambahan pula, guru dan murid harus sama-sama berusaha dan melibatkan diri untuk mencapai objektif pengajaran.

Google Classroom dipilih untuk kajian ini kerana dapat memenuhi perkara-perkara tersebut. Selain itu, beberapa aplikasi lain juga dapat digunakan bersama *Google Classroom* seperti *Google Docs* dan *Google Slides*. *Google Docs* merupakan salah satu perisian yang boleh digunakan dalam *Google Classroom*. Satu kajian telah dijalankan untuk meninjau keberkesanan *Google Docs* dalam pembelajaran sastera. Kajian ini mendapat bahawa fungsi anotasi dalam *Google Docs* dapat menggalakkan perbincangan yang lebih mendalam dalam kalangan murid (Natoli & Hunt, 2019). Fungsi anotasi dapat memberikan murid maklum balas terhadap hasil penulisan mereka. Setelah murid menghasilkan karangan secara bertulis, guru memberi komen. Kemudian, murid membaca komen itu dan membuat pembetulan. Perbincangan lanjut mengenai komen itu tidak wujud. *Google Docs* membolehkan murid memberi respons kepada anotasi-anotasi yang diberikan guru dan ini akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan dapatan secara kualitatif dan kuantitatif. Dapatan daripada markah praujian dan pascaujian bagi keputusan karangan SA2 2019 juga dianalisis. Guru juga mencatatkan pemerhatian tentang respons murid sewaktu pengajaran penulisan karangan.

Pelaksanaan kajian telah dijalankan semasa waktu kurikulum dan di luar waktu kurikulum. Setiap minggu, tiga masa telah diperuntukkan untuk pengajaran karangan.



Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 31 orang murid Darjah 5 yang mengambil Bahasa Melayu Standard. Kumpulan murid ini dipilih kerana mereka sudah mempunyai asas penulisan yang baik. Namun, daripada kumpulan sasaran ini, murid terbahagi kepada kemahiran menulis yang pelbagai daripada sederhana hingga cemerlang. Ini berdasarkan keputusan penilaian karangan pertengahan tahun Darjah 5.

Instrumen Kajian

Penggunaan *Google Classroom* merupakan wadah terbaik untuk mengajarkan karangan dan pengumpulan hasil penulisan murid. *Google Classroom* menyediakan wadah pembelajaran dalam talian secara percuma dan boleh diakses dengan mudah. Semua hasil pengajaran dan pembelajaran boleh ‘disimpan’ di dalam talian khusus untuk sesebuah kelas.

Menerusi *Google Classroom*, guru mampu menggunakan aplikasi seperti *Google Docs* dan *Google Slides* untuk pengajaran. Ini membolehkan interaksi dua hala antara guru dengan murid dan murid dengan rakan sebaya. Ini membuka ruang untuk berkolaborasi. Aspek ini penting kerana setiap daripada hasil perbincangan tersebut boleh diakses pada bila-bila masa. Ini berbeza jika karangan itu dihasilkan menerusi kertas dan pena kerana karangan itu hanya khusus untuk murid tersebut.

Selain itu, murid yang sudah terbiasa dengan aktiviti di dalam talian mampu mengambil tanggungjawab dan pemilikan apabila menggunakan ICT.

Tambahan pula, penggunaan *Google Classroom* memberi ruang kepada guru untuk melaksanakan Pengajaran Pembezaan atau *Differentiated Instruction (DI)* dengan memberikan tugasan-tugasan yang bersesuaian dengan tahap penulisan murid tersebut.

Akhir sekali, aspek penilaian memberikan maklum balas merupakan aspek yang sangat penting untuk murid dalam proses pembelajaran. Ini dapat

dilaksanakan menerusi aktiviti dalam talian kerana adanya kaedah untuk meninggalkan komen dan anotasi oleh guru dan murid.


Prosedur Kajian

Sebelum melangsungkan kajian, guru telah mendapatkan kerjasama dengan unit ICT di sekolah untuk kata pengguna dan kata kunci untuk alamat e-mel murid di portal *ASKnLearn*. Selain itu, guru memperuntukkan masa untuk ke makmal sekolah dan memberikan murid masa untuk menyesuaikan diri mereka dengan perisian di dalam talian. Setelah murid mengakses ruang *Google Classroom*, mereka boleh mengaksesnya di rumah dan selepas waktu kurikulum.

Buku Teks Mekar 5B serta pakej karangan telah digunakan sebagai bahan pengajaran di dalam bilik darjah. Pada awalnya, guru tidak menggunakan wadah *Google Classroom*. Hal ini membolehkan guru membuat pemerhatian tentang respons murid terhadap pengajaran penulisan karangan sebelum dan selepas kajian dijalankan. Cara ini juga dapat membezakan hasil penulisan murid sebelum dan selepas kajian dijalankan.

Dua aspek penting yang diajarkan di dalam bilik darjah ialah penggunaan teknik pancaindera untuk meluaskan isi karangan dan penggunaan bandingan semacam. Aktiviti berkumpulan dijalankan di bilik darjah. Secara berkumpulan, murid harus meluaskan ayat dengan menggunakan teknik pancaindera dan bandingan semacam.

Pada pengajaran seterusnya, guru mengulangi aktiviti yang sama dengan menggunakan *Google Classroom*. Murid harus meluaskan ayat dan memberikan komen mereka terhadap ayat-ayat yang dihasilkan kawan mereka (Lihat Rajah 1). Guru juga memberikan tugas selepas waktu kurikulum untuk mengukuhkan lagi pemahaman murid.



Rajah 1: Contoh Hasil Kerja Murid Membetulkan Ayat-ayat

QUESTIONS RESPONSES **12** Total points: **20**

Dia meminta maaf dan cikgunya maafkan dia kerana dia tidak bohong. Daripada hari itu, Sarah tidak lagi berlari ke kantin dengan begnya dan lagi bertanggungjawab.

Sarah meminta maaf dan cikgunya maafkan dia kerana dia tidak bohong. Selepas hari itu, Sarah tidak berlari ke kantin lagi dan menjadi bertanggungjawab.

Feedback
daripada - kata sendi 'daripada' digunakan untuk asal/sumber sesuatu bukan masa

Add individual feedback

Question Student answers

HBL Day 4 - Berikan satu bandingan semacam (contoh:kuning macam kunyit) yang berkaitan dengan gambar karangan ini. Kamu boleh merujuk buku atau melungsuri internet.

Rajah 2: Maklum Balas Murid

Turned in ▾

 ANIQAH QISTINA BTE IBRAHIM Student Oct 19
panik mula memberanikan Zaid



 AYRA QORIRAH BINTE MOHAMAD ZAHRIN Student Oct 15
budak-budak lelaki itu lari cepat macam kilat



 DELISHA ELMIRA BINTE MOHAMAD FAZLY Student Oct 20
angkuh seperti merak



 DIAN QISTINA BINTE ADI IRMAN Student Oct 20
merah seperti darah

Kemudian, murid akan menghasilkan karangan mereka berpandukan maklum balas yang diberikan oleh guru dan rakan-rakan (Lihat Rajah 2). Pendekatan ini membolehkan murid lebih bertanggungjawab dengan hasil penulisan mereka. Ini dapat dilihat dalam Rajah 3.

Rajah 3: Hasil Karangan Murid

Pada suatu hari Ali dan ibunya berada di rumah pada hari-hujung minggu. Ali ada masa lapang. Oleh kerana ~~Sejak dia ada masa lapang, dia membuat keputusan untuk membaca buku. Semasa dia membaca buku, ibunya sedang masak makanan kegemaran Ali.~~

Puan Fatimah gembira anaknya sedang membaca buku. Semasa memasak, puan Fatimah terlupa bahawa telur di dapur yang telurnya sudah habis. Dia menyuruh anaknya, Ali, untuk membeli telur. Untuknya Ali pun membala ibunya dengan mengatakan, "Baiklah ibu. Ibu beri Ali duit dan Ali akan ke kedai untuk beli telur itu," balas Ali dengan baik.

Ali menerima duit untuk membeli telur itu. Dia dengan segera keluar membeli telur itu. Sambil berjalan dia berasa sangat bosan. ~~Sejak dia bosan, dia ke taman permainan yang berdekatan dengan pasar raya itu. Selepas bermain dengan puas-puas Ali bersambung berjalan ke pasar raya itu. Ali hampir sampai di pasar raya dan tiba-tiba kawannya Afiq muncul di depan pasar raya itu dan dia memekik kepada Afiq.~~

"Eh Ali! Tidak sangka kita terserempak dengan satu sama lain." Afiq memekik dengan suara yang kuat.

Ali pun membala kepada Afiq.

MDM Nadiya Staff 8:36 AM Nov 11	Add: "berada"
MDM Nadiya Staff 8:37 AM Nov 11	Delete: "hari"
MDM Nadiya Staff 8:37 AM Nov 11	Replace: "Sejak" with "Oleh kerana"
MDM Nadiya Staff 8:37 AM Nov 11	Replace: "yang telurnya" with "bahaw. di dapur"

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Pemerhatian guru menunjukkan bahawa murid menunjukkan respons yang lebih positif terhadap pembelajaran penulisan karangan dengan menggunakan wadah *Google Classroom*. Dahulu, murid sering mengeluh setiap kali adanya pengajaran penulisan karangan dan memberikan mutu tugas yang kurang baik. Seringkali, tugas yang dihasilkan hanya dilakukan dengan tujuan sekadar untuk menyelesaikan tugas dan bukan kerana mereka ingin cuba menerapkan apa yang telah dipelajari.

Murid lebih bersemangat untuk menulis karangan apabila guru menggunakan *Google Classroom*. Mereka amat tertarik setiap kali harus mengakses *Google Classroom* dan tidak mengeluh. Murid juga menghasilkan mutu tugas yang lebih baik. Ini mungkin disebabkan tugas yang dihasilkan boleh dibaca oleh rakan-rakan mereka. Sebelum ini, tugas karangan yang ditulis di kertas hanya dapat dibaca oleh guru dan murid itu sahaja. Oleh itu, mereka lebih berusaha untuk menunjukkan hasil kerja yang lebih baik. Walaupun ada tugas yang diberikan selepas waktu kurikulum, kebanyakan murid dapat menyelesaikan tugas itu.

Data kuantitatif menunjukkan kebanyakan murid berupaya mencapai peningkatan markah karangan untuk peperiksaan akhir tahun SA2 berbanding peperiksaan pertengahan tahun SA1. Rajah 4 berikut menunjukkan pemeringkatan markah dari SA1 ke SA2.



Rajah 4: Markah Karangan Murid Bagi SA1 Dan SA2



Namun, ada juga segelintir murid yang menunjukkan kemerosotan markah karangan. Murid ini tidak konsisten dalam kedatangan ke sekolah dan lebih kritikal lagi, mereka tidak hadir sepenuhnya sewaktu pelaksanaan kajian menggunakan *Google Classroom*. Namun, data mereka tetap dimasukkan dalam kajian ini bagi membincangkan keberkesanan penggunaan *Google Classroom* dalam pengajaran penulisan karangan.

Pengkaji juga meneliti penggunaan teknik pancaindera dan bandingan semacam dalam penulisan karangan murid. Jadual 1 menunjukkan beberapa contoh hasil penulisan murid.

Jadual 1: Contoh Hasil Kerja Murid

SN	Murid	Ayat
1	A	Tiba sahaja di meja makan yang mereka duduk tadi, dia terlihat seorang pembersih sedang membersihkan meja makan itu. Ayah Aini pula bertanya pembersih itu jika dia nampak dompetnya yang berwarna hitam macam arang. Pembersih itu menggeleng kepalanya sahaja dengan tidak menyebut sepatah perkataan pun.


2	B	Kami pun pergi ke kedai mainan yang berdekatan dengan pusat makanan di Bukit Indah. Aku terlihat sebuah anak patung yang sungguh cantik. Baju anak patung itu berwarna biru seperti awan dan rambutnya berwarna kuning seperti kunyit . Aku bertanya ibuku jika aku boleh membeli anak patung.
3	C	Encik Fazli pun bergegas ke pusat makanan dengan cepat. Setelah dia sampai di sana, dia bernafas dengan cepat. Muka Encik Fazli pucat macam mayat kerana dia ternampak seorang pembersih yang sedang membersihkan meja makan.
4	D	Selepas itu, Ana dan keluarganya menaiki bas ke destinasi mereka. Pusat makanan itu sangat bersih. Ana boleh dengar bunyi minyak berdesir . Selepas mereka membeli makanan dan minuman, Encik Pandir mengeluarkan dompetnya untuk membuat bayaran.

Secara keseluruhannya, guru mendapati bahawa penulisan karangan murid lebih bermutu dan mereka mampu meluaskan karangan menggunakan teknik pancaindera dan bandingan semacam yang telah diajar. Ini juga dapat membuktikan bahawa penggunaan *Google Classroom* dapat membantu murid mengaplikasi teknik penulisan yang telah mereka pelajari.

Wadah *Google Classroom* membantu pembelajaran berterusan dalam talian dan pengkaji berpendapat bahawa ini juga merupakan faktor yang menyumbang kepada kebolehan murid untuk menyerap dan tidak melupakan apa yang telah diajar. *Google Classroom* juga menjadi bahan rujukan murid untuk mengulang kaji apa yang telah diajar. Faktor ini telah menyumbang kepada peningkatan markah karangan murid.

KESIMPULAN

Penyerapan ICT dalam PdP bahasa Melayu dapat membantu menarik minat dan perhatian murid. Penggunaan *Google Classroom* dapat mengubah



pandangan dan minat murid terhadap penulisan karangan.

Google Classroom bukan sahaja boleh dijadikan alat untuk bertukar pandangan dan pendapat, tetapi juga menjadi bahan rujukan untuk pembelajaran kendiri dan berkumpulan secara digital. Manfaat yang lebih besar ialah *Google Classroom* boleh menerapkan nilai bertanggungjawab terhadap pembelajaran dalam kalangan murid.

Penggunaan *Google Classroom* tidak hanya terhad untuk pengajaran penulisan karangan. Pengajaran komponen tatabahasa juga boleh diterokai. Jika terus digunakan, *Google Classroom* berpotensi menjadi sumber rujukan yang kaya untuk murid mencari informasi, menjana idea dan berinteraksi jika pelbagai aspek pembelajaran Bahasa Melayu diterokai. Usaha ini jika berterusan dari tahun ke tahun, akan dapat dijadikan sebagai satu portfolio pembelajaran yang akan memperkuuh dan mempertingkatkan taraf penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid kita.

RUJUKAN

- Meskill, C., & Anthony, N. (2015). *Teaching languages online* (Second). Bristol, UK: Multilingual Matters.
- Natoli, B., & Hunt, S. (2019). *Teaching classics with technology*. London: Bloomsbury Academic, an imprint of Bloomsbury Publishing Plc.
- Rennie, F., & Smyth, K. (2020). *Digital learning: the key concepts* (Second). London: Routledge, Taylor & Francis Group.